

Delegasi UMS teroka pertukaran budaya di Daedeok Korea Selatan

UB 02.03.2024 P.08

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU: Delegasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) menikmati pertukaran budaya melalui program LINC 3.0 yang di anjurkan pihak Hannam University di Youth Bunker, Daedeok Korea Selatan.

Program dikendalikan Profesor Peter Lee, melalui bimbingan Dekan LINC3.0 Profesor Won Gu-Hwan dan disokong Datuk Bandar Dae-rah Dae Deok, Choi Chung-Gyu dengan inisiatif mempuak kerjasama global antara industri dan akademik.

Sepanjang program di jalankan, pelbagai aktiviti bermakna yang disesuaikan untuk pensyarah dan pelajar UMS termasuklah persembahan muzik daripada Jo Hye-Won, Bak Su-Hyun, dan Song Ye-Hyeon diiringi latihan tarian K-pop di bawah bimbingan koreografer popular Lee Da-Seul.

Choi Chung-Gyu dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan program ini yang memperkayakan kehidupan golongan muda sepanjang menyertai program pertukaran ini.

“Bunker Belia yang ter letak di tingkat bawah tanah Pejabat Daerah Daedeok



DELEGASI: Choi Choong-gyu (empat kiri) merakamkan gambar kenangan bersama delegasi UMS.

menyediakan ruang yang direka untuk memupuk komunikasi dan pertukaran budaya dalam kalangan belia.

“Dibuka pada hari bekerja dan Sabtu, kemudahan ini menawarkan pelbagai kemudahan secara percuma, termasuk tempat persembahan, kafe buku dan ruang mesyuarat,” katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan UMS Profesor Madya Dr Mohd. Rahimie Abd Karim yang juga berkhidmat sebagai ketua delegasi dan Pengarah AACSB merakamkan penghargaan kepada Universiti Hannam kerana memberikan kerjasama sepenuhnya sehingga memudahkan perjalanan program ini.

“Bunker Belia yang ter letak di tingkat bawah tanah Pejabat Daerah Daedeok

Delegasi UMS disertai Rosle Mohidin, Pensyarah dan Penyelaras Mobiliti Antarabangsa di Fakulti Per niagaan, Ekonomi dan Per akaunan, UMS Datu Razali Datu Eranza.

Mahasiswa dan mahasiswi UMS disertai Ahmad Zaid Mohamad Nasir, Carl Chan Teck Hong, Metlye Metter, Nabil Qistina Robian, Nina Natasha Baqiah Abu Bakar, Nisrina Humaira Rasyidi, dan Sitti Salmiya Ombra.

Selain mempelajari tarian K-Pop, Nina dan Salmiyah turut mempersembahkan tarian Igal-Igal Lampa Lampu Pisang oleh Den Bisa untuk disertai oleh koreografer Korea Lee Da-Seul.

Rosle Mohidin memper sembahkan lagu ‘Sayang Sayang Kinabalu’, dengan

penyertaan tarian daripada semua hadirin.

Warga Korea turut menyatakan bahawa menyertai tarian Igal-Igal dan ‘Sayang Sayang Kinabalu’ adalah satu pengalaman yang luar biasa kerana semua orang bersemangat untuk menari bersama.

Kerjasama ini bukan sahaja memperkayakan perjalanan akademik perwakilan UMS tetapi juga mengeratkan hubungan antara institusi, memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang kepelbagaiannya budaya dan kerjasama akademik.

Memandangkan inisiatif seperti ini terus berkembang, delegasi menekankan kepentingan perkongsian global dalam membentuk masa depan akademik dan industri.